



UPM Pertahan Juara 4 Tahun Berturut-turut



Kumpulan Nahwan Nur bergambar kenangan bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UPM Prof. Dr. Azali Mohamed(tengah).

PERLIS, 11 Okt - Kelab Nasyid Nahwan Nur Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah naungan Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dinobatkan Johan Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2009/1430H buat tahun keempat berturut-turut di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Lagu Wacana Merdeka dan Duka di Tanah Gersang hasil ciptaan Wan Muhammad Salehuddin Wan Hassan yang disampaikan dengan menerapkan elemen teater telah membantu kelab itu meraih anugerah Persembahan Terbaik, juga untuk kali keempat berturut-turut.

Penganjuran keenam festival nasyid tersebut menyaksikan penyertaan 11 universiti sejak peringkat saringan pada 10 Oktober 2009 lalu.

Kejayaan itu membolehkan UPM membawa pulang wang tunai berjumlah RM 3000. Tempat kedua disandang oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan tempat ketiga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Berita asal oleh Adidi Tamin dan disunting oleh Seksyen media, Publisiti dan Penerbitan, UPM.